



# Perpustakaan UMP anjur NCOAL

Seramai 70 peserta dari Perpustakaan awam dan swasta yang menyertai Persidangan Kebangsaan Perpustakaan Akademik (NCOAL) 2015 selama dua hari bertempat di Hotel MS Garden, Kuantan pada 17 Mac 2015 yang lalu.

Program yang julung kali diadakan ini merupakan program kerjasama antara Perpustakaan Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) yang bertujuan untuk menjadi medan diskusi dan perkongsian pengalaman serta amalan terbaik dalam penjanaan maklumat berkualiti untuk menyokong penarafan universiti.

Program yang bertemakan ‘Ke arah Penarafan Universiti’ dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dr. Mashitah Mohd Yusoff. Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMP, Profesor Dato’ Dr. Yusserie Zainuddin dan Ketua Pustakawan, Haji Ruslan Che Pee dan pengurus NCOAL 2015, Hajah Kamariah Gono.

Menurut Profesor Mashitah, persidangan ini dianjurkan oleh pihak perpustakaan, namun skop perbincangan mencakupi aspek penerbitan penyelidikan, pengurusan ilmu, teknologi, pengurusan data serta rekod dalam penarafan sesebuah universiti.

Persidangan yang dihadiri 17 buah Universiti Awam (UA) dan 15 Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) ini membuktikan matlamat untuk menaikkan ranking institusi masing-masing yang menjadi keutamaan agar setanding dengan universiti yang berprestij.

Katanya, penarafan bukan sahaja penting bagi mempromosikan sesebuah organisasi tetapi ianya membuktikan kemampuan sesebuah organisasi mentadbir urus dengan cemerlang sehingga diiktiraf.

“Sebagai sebuah organisasi, pengiktirafan oleh badan-badan tertentu merupakan suatu yang amat bermakna dan diibaratkan seperti promosi percuma yang diberikan oleh agensi penarafan. Ianya bukan boleh dicapai dalam sekilip mata, bahkan memerlukan pengurusan

yang efektif, kreatif dan kolaboratif dengan jabatan-jabatan lain,” katanya ketika merasmikan persidangan.

Tambahnya lagi, hanya tinggal tempoh beberapa bulan sahaja lagi dalam tahun 2015 bagi Universiti Awam memastikan Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara fasa 2 ‘Jangkauan Global Malaysia Baharu’ dapat dicapai.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui empat inisiatif KPM iaitu Pelan Strategik Pengajaran Tinggi Negara (PSPTN), Sistem Penilaian Universiti Penyelidikan (MyRA), Sistem Penarafan Institut Pengajaran Tinggi Malaysia (SETARA & D-SETARA) dan Sistem Pengumpulan Data IPTA (MyMOHES).

Teras ke-4 PSPTN adalah untuk memperkasakan IPT yang mana penarafan UA adalah terikat kepada penanda aras atau KPI. Setiap IPT bertanggungjawab melaksanakan aktiviti dan membekalkan data-data bagi tujuan penarafan.

Justeru, persidangan kali ini medan untuk perkongsian amalan terbaik dalam pengurusan data dan perlaksanaan inisiatif bagi mencapai sasaran dan melangkuai jangkauan pemegang taruh. Malahan, bersaing dalam meningkatkan kualiti merupakan budaya sihat yang mesti dimiliki oleh setiap organisasi. Peluang untuk diiktiraf di peringkat antarabangsa sering terbuka dan ruang untuk di tambah baik sering wujud.

Sementara itu, Haji Ruslan mengharapkan persidangan ini akan memberi peluang kepada para peserta untuk saling berkongsi pengalaman dan tadbir urus terbaik dalam organisasi. Di samping itu juga diharapkan ianya dapat mengeratkan silaturahim antara satu sama lain.

Ucaptama sesi pertama di sampaikan oleh Pengarah Pusat Kajian Nadir Bumi, Profesor Dato’ Ir. Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz dengan mengulas tajuk ‘Penarafan Universiti dan Agenda Nasional: Satu Perspektif’. Manakala pada kedua pula ucaptama akan disampaikan oleh Pengurus Program Sejarah Lisan di Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS), YM Dato’ Profesor Dr. Haji Raja Abdullah Raja Yaacob.

Pada masa yang sama turut berlangsung pelancaran buku terbitan Penerbit UMP yang bertajuk ‘Isu-isu Berkaitan Akidah dan Syariah dalam Perubatan Tradisional dan Komplementari’ yang tulis oleh Dr. Haji Jahid Haji Sidek dan pensyarah Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) yang juga Pengarah Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN), Dr. Mahyuddin Ismail.

Buku ini membincangkan secara tunas berkenaan isu-isu yang melingkari Perubatan Islam di negara ini serta hubung kait dengan persoalan akidah dan syariah. Terdapat banyak amalan yang disandarkan atas nama perubatan Islam, namun pada hakikatnya ia bercanggah dengan akidah dan syariat Islam.

Turut diadakan pameran daripada beberapa agensi seperti Electric Library, Yuha Associates Sdn. Bhd. Springer dan lain-lain lagi.